

Umrah Musim 1

No Siri Kelulusan IU00441 (107273-P)
107273-P

SCAN untuk pengesahan agen :



ID Agen : 0001931
Cawangan Kota Bharu
Agen Luqman
Agen Adabi

<https://sizas.shop/umrah>



107273-P/KPK/DM-1050
ANDALUSIA
TRAVEL & TOURS SDN BHD
Penyucian Jiwa Di Tanah Suci
CAWANGAN KOTA BHARU

AHMAD LUQMAN HAKIM
FAKHRUL ADABI
Pegawai Pemasaran

📞 010-432 6532 / 019-916 3077

✉️ fasglobalnetwork@gmail.com

🌐 <https://umrah.sizas.shop>

📱 @umrah.mabrur



Andalusia

Peneraju Umrah & Pelancongan




Pakej Umrah Harga Bermula

DARI RM 5,990 Bilik Ber-5

12 Hari / 10 Malam - Fullboard

Untuk pendaftaran 10 orang terawal sahaja bagi setiap tarikh penerbangan Air Arabia G9 (musim biasa)



Pilihan Utama Hampir 800,000
Jemaah Malaysia Sejak Tahun 2002



107273-P/KPK/DM-1050
ANDALUSIA
TRAVEL & TOURS SDN BHD
Penyucian Jiwa Di Tanah Suci

No. 25, 27, & 29, Jalan 1/76, Desa Pandan, 55100 Kuala Lumpur

☎️ +603 9283 1588 / +603 9285 4530

🌐 www.umrahandalusia.com **f** Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd

✉️ info@umrahandalusia.com **📱** [umrahandalusia.hq](https://www.instagram.com/umrahandalusia.hq)



Scan Kod QR
Untuk Maklumat Lanjut

ANUGERAH ANDALUSIA



The Brandlaureate
Brandleadership Awards 2024



The Brandlaureate
Bestbrands Awards 2024
- Brand Of The Year



The Brandlaureate
Entrepreneur Awards 2024



World Islamic Tourism
Award 2023



ASEAN Master Class Award

Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd – Agensi Umrah & Pelancongan Islam No.1 di Malaysia, Dipercayai Sejak 2002

Dengan pengalaman lebih **dua dekad**, **Andalusia Travel** telah menjadi simbol **keunggulan dan kepercayaan** dalam industri umrah dan pelancongan Islam di Malaysia. Kami telah **menyempurnakan perjalanan ibadah lebih 800,000 jemaah**, memastikan pengalaman yang **eksklusif, selesa, dan lancar**.

Sebagai peneraju umrah, kami memiliki **60 cawangan di seluruh Malaysia** serta lebih **400 kakitangan profesional** yang berdedikasi. Kami turut diperkuat dengan **250 mutawwif bertauliah** dan **70 petugas tetap di Haramain**, memastikan setiap aspek perjalanan jemaah diuruskan dengan **penuh ketelitian dan profesionalisme**.

Diktrif sebagai penerima **The BrandLaureate Best Brands Awards 2024** dan **The BrandLaureate Entrepreneur of the Year 2024**, **Andalusia Travel** terus menetapkan standard tertinggi dalam perkhidmatan umrah. Dengan **pengurusan tiket dan hotel yang cekap**, serta inisiatif CSR aktif seperti **Tabung Kebajikan Kecemasan SR500,000**, kami komited dalam memberikan **ketenangan minda dan keselesaan maksimum** kepada jemaah.

Dengan **legasi kecemerlangan, rekod kepercayaan, dan kepakaran yang tidak tertandingi**, **Andalusia Travel** adalah pilihan utama bagi mereka yang mencari pengalaman umrah yang **eksklusif, selamat, dan terjamin**.



Tawaran Menarik

Dapatkan Umrah PERCUMA 25+1

Untuk semua pakej umrah 1447H

PERCUMA

UNTUK SETIAP PENDAFTARAN



1 Set Bagasi Andalusia



1 Set Sampul
First Aid Travel Kit



Sejadah Raudhah



1Kg Aneka Kurma

Diskaun RM200

- ✓ Diskaun bagi pendaftaran setiap 10 jemaah dalam resit yang sama berhak mendapat diskaun RM200 seorang
- ✓ Diskaun ini tidak terpakai bagi pendaftaran 25+1 (F. O. C.)
- ✓ Diskaun ini termasuk kanak-kanak dan bayi
- ✓ Diskaun ini sah sehingga 31 Disember 2025

Percuma Seorang

- ✓ Pendaftaran 25+1 orang PERCUMA hendaklah dalam satu resit yang sama serta kumpulan bas dan penerbangan yang sama
- ✓ Tidak termasuk kanak-kanak dan bayi
- ✓ Tawaran ini termasuk semua jenis pakej umrah musim biasa, cuti sekolah, pakej Ramadan dan semua pakej umrah ziarah.



TEMPAHAN
TAWARAN 25+1

Sunday Sales

Diskaun RM50

Daftar Secara Online

www.umrahandalusia.com

DISKAUN RM50 terpakai untuk pembelian pada hari **AHAD** sahaja.

Setiap pendaftaran jemaah berhak mendapatkan **DISKAUN RM50** bagi seorang.


DISKAUN RM50 hanya terpakai untuk pembelian secara **online** di laman web Andalusia www.umrahandalusia.com

DISKAUN RM50 ini termasuk kanak-kanak dan bayi.

DISKAUN RM50 ini terpakai untuk pakej Umrah dan percutian luar negara sahaja.



MAKLUMAT
LANJUT





Isi

Kandungan



Anugerah Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd - The BrandLaureate Awards	2
Tawaran Menarik - Umrah PERCUMA 25+1 / Sunday Sales!	3
Isi Kandungan	4
Lesen Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd	5
Brosur Andalusia (23 tahun)	6
Biodata Lembaga Pengarah	7
Barisan Pengurusan Andalusia	8
Barisan Pengurusan Haramain	9
Sales Advisor	10
Customer Care	11
Elakkan Menjadi Mangsa Penipuan (SCAMMER)	12
Doa Jemaah Umrah / Haji	13
Kenali Mutawwif Andalusia	14
Piagam Mutawwif	15
Pegawai Pemasaran Andalusia	16-17
Akta Industri Pelancongan	18-19
Syarat dan Terma Tambahan	20-21
Visa Umrah - Tatacara Permohonan Visa Umrah / Biometrik	22-23
Maklumat Am & Dapatkan Kursus Umrah dan Tasbih SECARA PERCUMA!	24
Atur Cara Perjalanan Pakej Umrah (umum)	25
Pengenalan Pakej Umrah Terus - Malaysia Airlines (AMAL) & Saudia (SV)	26
Pengenalan Kapal Malaysia Airlines AMAL (A330-200) - Malaysian Hospitality	27
Pakej Umrah Penerbangan Terus AMAL - Sederhana Musim Biasa Cuti Sekolah	28
Pakej Umrah Penerbangan Terus AMAL - Safwah Royale Orchid (Breakfast Only)	29
Pakej Umrah Penerbangan Terus AMAL - Jarak Dekat Musim Biasa / Cuti Sekolah	30
Pakej Umrah Penerbangan Terus AMAL - Premium Musim Biasa / Cuti Sekolah	31
Pakej Umrah Penerbangan Malaysia Airlines - Ramadan & Syawal	32
Pakej Umrah Penerbangan Saudia Airlines - Ramadan	33
Pengenalan Kapal Saudia (SV)	34
Pakej Umrah Penerbangan Terus Saudia SV - Sederhana Musim Biasa & Cuti Sekolah (KJMK)	35
Pakej Umrah Penerbangan Terus Saudia SV - Sederhana Musim Biasa & Cuti Sekolah (KMJK)	36
Pakej Umrah Penerbangan Terus Saudia SV - Jarak Dekat Musim Biasa & Cuti Sekolah (KJMK)	37
Pakej Umrah Penerbangan Terus Saudia SV - Jarak Dekat Musim Biasa & Cuti Sekolah (KMJK)	38
Pakej Umrah Penerbangan Terus Saudia SV - Premium Musim Biasa & Cuti Sekolah (KJMK & KMJK)	39
Pakej 22 Hari 40 Waktu Solat di Masjid Nabawi (SV)	40
Pakej 22 Hari 40 Waktu Solat di Masjid Nabawi (G9)	41
Pengenalan Pakej Umrah Transit & Ziarah	42
Pengenalan Kapal Air Arabia (G9)	43
Pakej Umrah Transit Sharjah (G9)	44


Pakej Umrah Ziarah Sharjah, Abu Dhabi & Dubai (G9)	45
Pakej Umrah Transit Muscat (WY)	46
Pakej Umrah Transit Doha (QR)	47
Pakej Umrah Ziarah Abu Dhabi Half day	48
Pakej Umrah Ziarah Abu Dhabi & Dubai	49
Pakej Umrah Ziarah Istanbul & Bursa	50
Pakej Umrah Ziarah Cairo & Iskandariah	51
Pakej Umrah Ziarah Switzerland & Italy	52
Pakej Umrah Ziarah London & Paris	53
Pakej Umrah Ziarah Sepanyol & Morocco	54
Pakej Umrah Ziarah Amman Baitulmuqaddis	55
Pakej Umrah VIP	56
Andalusia Korporat	57
STA - Ziarah Tambahan	58
STA - Program Aktiviti Aliff Satar	59
STA - Haramain Speed Train (HHR)	60
Panduan Pengurusan Haramain - Jemaah Dialisis & Jemaah Sakit	61
Peta Lokasi Hotel - Makkah Al Mukarramah	62
Peta Lokasi Hotel - Madinah Al Munawwarah	63
Panduan Tatacara Pengurusan - Kematian & Pengubuman di Haramain	64
Pakej & Perkhidmatan Haji	65-70
Andalusia Ticketing	71
Barisan Pegawai Pelancongan Andalusia	72
Maklumat Am dan Syarat-syarat Pendaftaran Pakej Pelancongan	73
Pakej Pelancongan Domestik	74
Pakej Pelancongan Inbound	75
Pakej Asia Tenggara	76
Pakej Asia Timur	77-78
Pakej Asia Selatan	79
Pakej Eropah	80-81
Pakej Cruise Genting Dream	82
Pakej Cruise Disney	83
Pakej Percutian Persendirian (Ground Tanpa Tiket)	84
Testimoni dan Group Photo Pelancongan	85
Andalusia Business to Business (B2B)	86
Testimoni Jemaah Andalusia	87
Bin Daud (Barangan Kelengkapan Umrah)	88
Andalusia Mall (Sejadah & Kurma)	89
Klinik Andalusia & Andalusia Farmasi	90
Andalusia Tijara Care & Hijrah Exchange	91
Cawangan Andalusia	92-94
Perkhidmatan Premium Bagasi Haji & Umrah: Wexpress	95
Perkhidmatan Premium Bagasi Haji & Umrah: Gdex	96
Umrah Now Pay Later (UNPL)	97
Program Umrah Percuma Anak Muda Jati Kelantan dengan kerjasama Masjid Imanul Faizin	98
Terma & Syarat JIMBA	99
JIMBA	100



Lesen Pendaftaran Syarikat



Lesen Pendaftaran Syarikat



Lesen Akta Industri Pelancongan



Lesen Pengelola Jemaah Haji

Ejen Sah



Matta 2025




Bumitra 2025




IATA 2025

Authorised Agent:




Andalusia Setelah

23 TAHUN



1429H

10,100 Jemaah



1430H

11,190 Jemaah



1431H

19,872 Jemaah




1432H

25,253 Jemaah



1433H

29,754 Jemaah




1434H

39,159 Jemaah




1435H

46,918 Jemaah



1436H

49,356 Jemaah



1437H

52,252 Jemaah




1438H

57,278 Jemaah



1439H

57,878 Jemaah



1440H

23,000 Jemaah



1441H

35,000 Jemaah



1444H

48,884 Jemaah



1445H

50,294 Jemaah



1446H

50,000 Jemaah

Biodata Lembaga Pengarah

Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd



DATO' USTAZ HAJI MD DAUD CHE' NGAH

Pengerusi Eksekutif, Andalusia Travel & Tours Sdn. Bhd.

Beliau dilahirkan di Kampung Tanjung, Mukim Kupang Daerah Baling Kedah pada 17 Februari 1946. Daerah yang melahirkan beberapa tokoh agama seperti Datuk Haji. Mohd Nakhaie Bin Haji Ahmad, Dato' Ustaz Haji Taib Azamudden Bin Mohd Taib, Dato' Haji Wan Mohammad Bin Dato' Sheikh Abdul Aziz - JAKIM, Tan Sri Dato' Setia Dr. Haji Ibrahim Bin Lembut.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Jerai, Pondok Khairiah Kupang, Madrasah Alyahyawah Padang Rengas, Perak. Sekolah malam di Cliford School Kuala Kangsar, Sekolah Persendirian PGAS Seberang Perai, Kolej Islam Malaya dan Pengajian Ekonomi Islam di UIA.

Berpengalaman kerja di Tabung Haji Tahun 1974 hingga 1998 dengan jawatan akhir sebagai Pengurus Besar Bimbingan Haji. Pernah dilantik menjadi Setiausaha Persatuan anak-anak Yatim Wilayah Persekutuan. Merupakan ahli peserta Muzakarah ibadah haji di Tabung Haji sejak tahun 1988 sehingga 2019 dan banyak berkecimpung dalam bidang sosial melalui ceramah umum juga di luar negara seperti London, Singapura dan di media sosial TV1, TV3, TV7 dan pernah menjadi Perawi kisah Nabi-Nabi di Radio Malaysia mulai tahun 1991 hingga 2000. Terlibat juga di Forum Perdana di TV 1 bersama para ulama selebriti sekitar tahun 1990 hingga 2016.

Kini menjadi Pengerusi Eksekutif Andalusia Travel & Tours, Penasihat beberapa Akademi Mutawwif dan Pengerusi BIN DAUD Sdn. Bhd iaitu kedai pembekal barang-barang keperluan haji dan umrah. Juga sebagai Penasihat Persatuan Persara Tabung Haji dan Pengerusi Persatuan Anak-Anak Yatim Wilayah Persekutuan.



HAJAH IDA RISWANA BINTI IDRIS

Pengarah & Penasihat Undang-undang, Andalusia Travel & Tours Sdn. Bhd.

Hajah Ida Riswana binti Idris telah dilahirkan di Johor Bahru pada tanggal 16 Januari 1969. Pendidikan tertinggi beliau adalah Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) LLB. (Hons) dan Masters in Comparative Laws (MCL) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Beliau memulakan kerjaya awal pada tahun 1993 apabila menubuhkan firma di Tetuan Riswana & Co yang mempunyai kepakaran utama dalam penasihat hal-hal korporat dan hartanah.

Pada tahun 2002, melalui tugas-tugasnya sebagai seorang peguam, Hajah Ida Riswana telah menemui Andalusia Travel & Tours Sdn. Bhd. dan sejak itu bersama-sama Tuan Haji Ibrahim dan Dato' Ustaz Haji Md Daud Che Ngah telah melebarkan sayap perniagaan sehingga kini. Penglibatan Hjh Ida Riswana bermula seawal dari pengambilalihan syarikat Andalusia sehinggalah Andalusia berkembang maju di persada perniagaan umrah dan pelancongan.

Disepanjang penglibatan beliau, Andalusia Travel & Tours berjaya merangkul pelbagai anugerah pencapaian dalam bidang pelancongan seperti :-

- Anugerah Agensi Umrah / Haji Pilihan 2023 oleh BISA – Bisnes Sinar Awards.
- Best Islamic Tour Package oleh Word Islamic Tourism Award 2023.
- Leading Brand in Tour and Travel Agencies Excellence oleh Asean Outstanding Business Award 2023.
- Anugerah Usahawan - The BrandLaureate Brand of the Year Awards 2024.

Beliau juga terlibat aktif dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan termasuk berperanan seperti :-

- Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Islam Darul Ehsan (ALPA YIDE) Sesi 2024-2026.
- Penasihat Akademik di Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (FPI) 2021-2024.
- Naib Presiden (VP) Ekonomi Dan Projek Khas Bumitira Malaysia Sesi 2024-2026.
- Tenaga Pengajar Kursus Pemantapan Pengendalian Umrah (USEC).
- Prof Adjunct - Innovative University College.



HAJI IBRAHIM BIN MAT SIN

Pengarah Urusan, Andalusia Travel & Tours Sdn. Bhd.

Merupakan anak kelahiran Melor, Kota Bharu Kelantan. Pendidikan tertinggi beliau ialah BA (Hons) di Universiti Malaya pada tahun 1982. Karier beliau sebagai pegawai kerajaan bermula semasa dilantik sebagai Penolong Pengarah di Kementerian Perdagangan Kuala Lumpur. Beliau bertukar sebagai Penolong Pegawai Daerah (ADO) di Pekan, Pahang pada tahun 1985.

Pada 1991 bertukar ke Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sehingga tahun 2004. Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD), beliau mempunyai pengalaman yang luas di dalam bidang pengurusan organisasi.

Pada usia 45 tahun iaitu pada tahun 2004 beliau bersara daripada perkhidmatan awam. Beliau bersama-sama Dato Hj. Md Daud Che Ngah dan Hjh Ida Riswana Idris mengurus syarikat Andalusia Travel & Tours Sdn. Bhd secara sepenuh masa.

Beliau mempunyai hala tuju yang jauh ke hadapan untuk Andalusia iaitu misi untuk mencapai sasaran 70,000 orang jemaah umrah setahun dengan moto yang dibawa olehnya 'Sekeluarga Mampu ke Tanah Suci'. Bagi musim 1439H, alhamdulillah jualan Andalusia telah mencecah melebihi 57,878 orang Jemaah pada tahun tersebut.

Beliau juga adalah Pengarah / Penasihat kepada syarikat Fa'Izin International Travel & Tours Sdn. Bhd, Maqbul Travel & Tours Sdn. Bhd, Labbaik Travel & Tours Sdn. Bhd, Haneen Travel & Tours Sdn. Bhd, Vacasia Tours & Travel Sdn. Bhd, Mahabbaten Travel & Tours Sdn. Bhd, Andalusia Hijrah Sdn. Bhd, Klinik Andalusia, Andalusia Farmasi dan Andalusia Exchange (Tukaran Mata Wang), Andalusia Food Industries dan Andalusia Tjarah Insurans. Selamat Maju Jaya!

Barisan Pengurusan

Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd

BOARD OF MANAGEMENT



**HJH IZZATI
BT HJ IBRAHIM**
Lembaga Pengurusan
Pemasaran, Jualan & Digital
✉ izzatibrhm@umrahandalusia.com



**PN NURHAYATI
BT MOHD RODZI**
Lembaga Pengurusan Umrah
☎ **017-319 2361**



**CIK NORRUL BALQES
BT ABU BAKER**
Lembaga Pengurusan Umrah
☎ **013-391 8024**



**CIK ZALINA
BT TARMIZE**
Lembaga Pengurusan Hotel,
Haramain, Mutawwif & Logistik
☎ **018-958 1383**



**PN WAN NORASIKIN
BT WAN IBRAHIM**
Lembaga Pengurusan
Pelancongan (Holidays)
☎ **012-603 8475**



**PN NOR AZILAH
BT AHMAD**
Lembaga Pengurusan
Sumber Manusia (HR)
☎ **012-266 4644**



**HJH ILI FATIN
BT HJ IBRAHIM**
Lembaga Pengurusan Akaun
& Audit Dalaman
☎ **013-363 6794**



**HJ YAZID
BIN MOHAMED**
Ketua Pengurusan B2B
(Airlines & Hotel)
☎ **019-215 2813**

PENGURUS



**EN YUSMIZI
BIN MD YUSOF**
Pengurus Umrah
☎ **018-211 1892**



**EN NUR ARIFF
BIN MOHD ISA**
Pengurus Umrah
☎ **019-278 1409**



**EN MUHAMMAD MAHFUDZ
AZZALLY BIN HAKIM**
Pengurus Umrah
☎ **018-299 2466**



**PN NORHAFIZA
BIN ZAINAL ABIDIN**
Pengurus Umrah
☎ **013-436 9141**



**PN NURUL AINNA
BT ADNAN**
Pengurus Umrah
☎ **017-543 2452**
Pemasaran, Jualan & Digital



**PN TENGKU AZWANIS
BT TENGKU ALIAS**
Pengurus Umrah
☎ **013-904 6632**



**CIK WAN DAYANA
BINTI NORMI**
Pengurus Umrah VIP
☎ **010-232 9594**



**HJ KHAIRUL SANI
BIN ZAMBERI**
Pengurus Haji
☎ **017-984 4437**



**PN NURZALIZA
BT ZAMBERI**
Pengurus Pelancongan
(Holidays)
☎ **019-327 8405**



**EN MOHAMMAD NATASHA
BIN OMAR**
Pengurus Pelancongan
(Holidays)
☎ **017-308 2179**



**CIK KHAIRUNNISA
BT ABD RAMLI**
Pengurus Pelancongan
(Holidays)
☎ **011-2537 3895**



**PN SYARENA
BT MOKHSIN**
Pengurus Kanan Tiket (FIT)
☎ **010-450 8809**



**CIK ROHANA
BT ZULKALI**
Pengurus Kanan Akaun
& Audit Dalaman
☎ **012-376 7196**



**PN MASSITA
BT KHALIDDIN**
Pengurus Akaun (Refund)
☎ **017-230 9594**



**PN SITI HAJAR
BT RAZALI**
Pengurus Akaun (Cashier)
☎ **012-589 7991**



**PN NORAZLINA
BT MOHD GHAZALI**
Pengurus Kanan Tiket (GIT)
☎ **019-615 3133**



**PN NURSYAKILA SUZANA
BT ZULKIFLI**
Pengurus Pegawai
Pemasaran Andalusia
☎ **016-207 7594**



**CIK FADILAH
BT ADZHA**
Pengurus Hal Ehwal Syarikat
- Pentadbiran
☎ **018-669 9234**

PENOLONG PENGURUS KANAN



**PN FAIZAH
BT JAAFAR**
Pen. Pengurus Kanan
Umrah
☎ **019-961 0068**



**PN FATIN NABILAH
BT AZMAN**
Pen. Pengurus Kanan
Umrah (VIP)
☎ **019-729 3690**



**HJH SITI NORHAMIRA
BT AHYOB**
Pen. Pengurus Kanan Haji
☎ **012-285 4189**



**CIK NOR ADILAH
BT ZAINUDIN**
Penolong Pengurusan Kanan
B2B/Ticketing
☎ **012-213 5454**



**CIK NUR AZUREEN
BT MOHD ANUAR**
Pen. Pengurus Kanan
Sumber Manusia
☎ **013-401 8216**

PENOLONG PENGURUS



**PN FAZLINA
BT ABDUL MUTALIB**
Pen. Pengurus Buss
Growth & Setiausaha
☎ **017-313 9147**



**CIK NOR IDAYU
BT AHMAD FAUZI**
Pen. Pengurusan
Customer Care
☎ **017-250 7003**



**CIK LYDIAWATI
BINTI SAHARUDIN**
Pen. Pengurusan Sales Advisor
☎ **017-312 6286**



**CIK FATIN LIDYA SYAFINAZ
BT BADRUL AZMAN**
Super Senior Sales Advisor
☎ **012-234 5987**



**CIK NUR HIDAYAH
BT YACOB**
Penolong Pengurusan B2B
(Pakej)
☎ **018-668 2644**



**CIK NURUL AKMAR
BT MOHD SUHAIMI**
Penolong Pengurusan Mutawwif
☎ **014-951 3815**

Barisan PENGURUSAN HARAMAIN



Makkah Al Mukarramah

Berdiri (dari kiri) : Hj. Didar , Hj. Ashraf , En. Reza Hussaini , Hj. Fauzi , Hj. Mahmud , En. Izwan , En. Aidil Ezaniey , En. Ismail , Hj. Amin , Hj. Rushdi , En. Aries Sofean, Ustazah Auni

Duduk (dari kiri) : Puan Sriharyati , Hj. Khairul Faizah , Hj. Shokri , Hj. Ariff (Ketua Operasi Haramain) , Hj. Fikri , Hj. Hamidah , Hj. Balqis

Tiada dalam gambar : Hj. Ariff Izuddin , En. Afif , Hj. Mukhtassar, Hj Adam.



Madinah Al Munawwarah

Berdiri (dari kiri) : En. Raja Mukhriz . En. Nazim , Hj. Asyraff Hafdzan , Hj. Wan Firdaus , En. Bukhari, En. Luqman Hakim

Duduk (dari kiri) : Ustazah Nazatul , Ustazah Sara , Hj. Jamilah ,Hj. Zakuan (Ketua Operasi Madinah), Hj. Alamsah (Ketua Bimbingan), Hj. Hidayat

Tiada dalam gambar : Hj. Sa'diah, Hj. Aishah.



Hjh Izzati Binti Ibrahim
 (Board Of Management)
 ✉ izzatiibrhm@umrahandalusia.com

SALES ADVISOR

Kejayaan Kami Kerana Anda

“Daftar Umrah Kini Lebih Mudah dengan Sistem Online – Jimat Masa, Urusan Telus, dan Segalanya di Hujung Jari Anda! Anda juga berpeluang untuk berjumpa dan berbincang secara langsung semasa event berlangsung untuk maklumat lanjut.”



LYDIAWATI BINTI SAHARUDIN
 PENOLONG PENGURUS
 ONLINE SALES
 ☎ 010-9344 340



FATIM LIDYA SYAFINAZ
BINTI BADRUL AZMAN
 SUPER SENIOR
 SALES ADVISOR
 ☎ 012-2345 987



NURSHAHIRAH BINTI ZANI
 SENIOR
 SALES ADVISOR
 ☎ 016-9724 340



NORADAWIAH BINTI HUSIN
 SALES ADVISOR
 ☎ 010 2124 340



MUHAMMAD ZULFAHIMI
BIN ZAKARIA
 SALES ADVISOR
 ☎ 016 5824 340



SCAN QR
 UNTUK Mendapatkan
 BANTUAN MAKLUMAT PAKEJ
 DAN PENDAFTARAN

CUSTOMER CARE ANDALUSIA



KESELESAAN ANDA, KEUTAMAAN KAMI

Customer Care diwujudkan untuk melayan pertanyaan serta menyantuni pelanggan bagi melengkapkan persediaan perjalanan ibadah umrah dan haji mereka

Apa yang kami boleh bantu anda ?



Pemberian Cenderahati Umrah



Urusan Biometric



Pengurusan Pembayaran Di Kaunter Akaun



Penerangan & Pendaftaran Pakej Umrah



Penerimaan Dokumen Visa Umrah

HUBUNGI PEGAWAI CUSTOMER CARE



NOR IDAYU BT. AHMAD FAUZI
017-250 7003
ayuandalusia@gmail.com



SITI AMINAH BINTI IDRIS
019-256 0726
sitiaminahandalusia@gmail.com



NURULIZZAH ADILAH BINTI OTHMAN
013-708 3474
dilahandalusia@gmail.com



SAIDATINA NURMAISARAH BT. JUMAHAT
013-931 8518
andalusiamaisarah@gmail.com



NURAUNI SYAZA BINTI SHAFIE
013-411 0962
auniandalusia@gmail.com



NURUL SAADAH BINTI SAHIDIN
011-2888 4618
saadahandalusia@gmail.com



FARAH SYIFAA' BINTI MOHAMAD FARID
013-412 8402
andalusiafarhahsyifaa@gmail.com



NUR ARINA SYAIRAH BINTI RAMLI
011-1287 6300
arinandalusia@gmail.com



FIFI NUR SYAQIRAH BT. AZMAN
018-231 9878
fifi.andalusia16@gmail.com



SCAN QR UNTUK SEBARANG
PERTANYAAN & ADUAN

KUALA LUMPUR - Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) menerima lebih 20 aduan setiap tahun tentang penipuan pakej umrah yang melibatkan kerugian lebih RM1 juta sejak 10 tahun lalu.

Menurut Ketua Aktivis, Datuk Nadzim Johari (gambar) setiap kes penipuan tersebut melibatkan lebih 60 hingga 100 orang

Mekah, Arab Saudi. "Setiap tahun PPIM menerima hampir 20 kes penipuan umrah yang melibatkan puhan hingga ratusan mangsa bagi setiap kes. Bukan sahaja umrah, penipuan haji juga ada. "Setiap tahun juga kita dapati ramai yang menangis di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)



Tambahnya, satu majlis khas harus ditubuhkan bagi menguruskan pengusaha-pengusaha umrah yang boleh memantau dan mengawal selia seperti Tabung Haji. "Perlu diwujudkan Tabung Umrah yang fungsinya sama seperti Tabung Haji. Apa yang penting, ia adalah

Sementara itu di Alor Star, Pemuda UMNO Kedah menyanjung tinggi keputusannya untuk membatalkan Sistem Pemantauan Manasik Berpadu (Imams). Ketua Pemuda, Datuk Shaiful Hazizy Zainol Abidin berkata, pembatalan sistem itu wajar kerana ia diluar membebaskan rakyat. Beliau mengulas keputusan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan

KUALA LUMPUR 30 Jun - Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan mendedahkan sebanyak 126 kes penipuan melibatkan pakej umrah dan haji dengan nilai kerugian mencecah RM5.9 juta dilaporkan berlaku antara 2014 hingga Mei lalu. Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermeyati Samarudin berkata statistik

keseluruhan lebih RM4.66 juta. "Lebih membimbangkan kes penipuan memabitkan pakej umrah semakin menjadi-jadi apabila kita menerima sebanyak 126 kes mem-

syarikat yang melakukan kesalahan itu dengan mengeluarkan kompaun keseluruhan sebanyak RM293,000 bagi 62 kes sejak 2012 hingga Mei lalu.

babitkan kes penipuan sepanjang tempoh empat tahun ini. "Antara kes penipuan yang dilakukan ialah dengan menerima bayaran daripada jemaah namun tiada perkhidmatan disediakan, kegagalan agensi pelancongan menyediakan visa umrah, pembatalan atau penangguhan pakej umrah dan pelanggaran terma dan

BERHATI-HATI MEMILIH PAKEJ UMRAH & PELANCONGAN ELAKKAN MENJADI MANGSA PENIPUAN



01

Berurusanlah dengan pengusahaan pelancongan berlesen MOTAC.



Contoh Sijil Lesen



Contoh Pelekat Lesen

02

Pastikan Status Syarikat Berurusan Sah Dan Aktif



Scan QR untuk layari laman web MOTAC untuk status syarikat.

03

Semak Perlindungan Takaful Perjalanan

Insurans / Takaful Perjalanan Wajib bagi pelancongan keluar negeri dan umrah. Semak perlindungan takaful yang disediakan dan tambah perlindungan (coverage) jika tidak mencukupi.

04

Fahami terma pakej Pelancongan / pakej umrah.

Baca dan fahami terma dan syarat pakej pelancongan / pakej umrah sebelum membuat pengesahan tempahan

Boleh rujuk Jadual Keempat Akta Industri Pelancongan muka surat 18 & 19.

05

Memuktamadkan urusan di pejabat syarikat

Berurusan di pejabat syarikat pengusahaan pelancongan memberi keyakinan kepada pelancongan mengenai kredibiliti syarikat.

PENTING

Jangan berurusan dengan orang perantaraan / agen atau individu yang dikatakan mewakili syarikat (yang tidak berdaftar) bagi mengelakkan penipuan.

06

Semakan senarai amaran entiti Yang melanggar Akta Industri Pelancongan 1992

Scan QR untuk layari laman web MOTAC untuk status syarikat.



07

Kaedah bayaran dan resit Pembelian pakej

- Bayaran secara tunai/atas talian.
- Bayar terus ke akaun syarikat dan bukan atas akaun individu / syarikat lain.
- Resit bayaran rasmi dengan perincian setiap pakej dan maklumat setiap pelancong / jemaah.
- Simpan bukti transaksi dan resit rasmi syarikat untuk rujukan dan tuntutan di masa hadapan

08

Prihatin dengan maklumat terkini perjalanan

Berhubung dengan pihak syarikat bagi mengetahui status perjalanan termasuk hal-hal berkaitan tiket penerbangan, penginapan, insurans / takaful perjalanan dan visa (sekiranya berkaitan).

09

Tatacara membuat aduan, Cadangan & pertanyaan

Butiran Pengadu

- Nama
- No. Kad Pengenalan
- Nombor Telefon dan e-Mel Pengadu
- Kewarganegaraan

Butiran Pihak Yang Diadu

- Nama Syarikat
- Alamat Syarikat / Alamat Premis

Kemukakan Bukti

- Salinan Rakaman Visual / Gambar Bukti Pakej / Resit / Invois / Transaksi / Lain-lain dokumen berkaitan

DOA JEMAAH Haji & Umrah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Ya Allah yang Maha Menyempurnakan segala hajat-hajat kami dan yang Maha Menerima serta Mengqabulkan segala doa-doa kami. Jadikanlah kami hambaMu yang berjaya dengan cemerlang di dunia dan di akhirat. Kami amat memohon agar jemaah umrah/haji tetamuMu ini diberi lindungan yang sempurna.

Ya Hafiz (yang Maha Menjaga) Ya 'Alim (yang Maha Mengetahui) berkatilah, peliharalah, serta selamatkanlah harta-harta para jemaah kami (termasuklah rumah dan keluarga mereka) semasa ketiadaan mereka sebagai tetamuMu di Baitullahilharam dan menziarahi kekasihMu di maqam Rasulullah S.A.W di Kota Suci Madinah untuk mendapat syafaat yang paling tinggi.

Ya Allah, Engkau kurniakanlah keberkatan atas segala perbelanjaan yang telah diinfakkan oleh jemaah kami ke jalanMu ya Allah, dengan menggandakan ganjaran pahala sebanyak 100,000 ganda bagi 1 solat fardhu yang tidak mungkin didapati di tempat lain kecuali di Makkah dan 1000 ganda di Madinah.

Ya Allah ya Tuhan kami, selamatkanlah perjalanan pergi dan balik jemaah kami, turunkanlah rahmatMu, taufiqMu, barokahMu, pertolonganMu, pemeliharaanMu dan pengawalanMu kepada jemaah kami dengan sempurna dan pohon tidak dibebankan dengan ujian yang menyusahkan.

Ya Allah, anugerahkanlah kepada jemaah kami ilmu yang bermanfaat serta tambahkanlah iman dan taqwa buat para jemaah kami. Anugerahkanlah nikmat kesihatan dan kesembuhan buat para jemaah kami yang sedang diuji dengan kesakitan sebagaimana firmanMu, "dan apabila aku sakit, maka Allah S.W.T yang Maha Menyembuhkan". Berikanlah semangat dan kerajinan jemaah kami untuk sentiasa beribadat dalam dua masjid yang amat mulia itu dan juga masjid setelah kembali ke tanah air.

Ya Allah ya Barriq, permudahkanlah segala urusan kami dan janganlah mempersulitkan urusan kami serta akhirilah segala urusan kami dengan kesudahan dan pengakhiran yang baik dengan memperolehi umrah/haji yang Maqbulah dengan ganjaran syurga.

Ya Allah, berikanlah panduan kepada kami ke arah pengqabulan doa yang cepat, maka kami memohon kepadaMu mustajabkanlah segera doa-doa dan hajat-hajat kami ya Allah, buktikanlah kepada kami, pencapaian serta hasil dan hajat kami sebagaimana firmanMu "kun fayakun" "jadi, maka jadilah"

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ فِي سَفَرِنَا هَذَا الْبِرَّ وَالتَّقْوَى، وَمِنَ الْعَمَلِ مَا تَرْضَى، اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ أَنْ تَطْوِيَ لَنَا الْأَرْضَ، وَتَهَوِّنْ عَلَيْنَا السَّفَرَ، وَأَنْ تَرْزُقَنَا فِي سَفَرِنَا سَلَامَةً فِي الْبَدَنِ وَالْدِينِ وَالْمَالِ، وَتَبْلُغَنَا حَجَّ بَيْتِكَ وَالْعُمْرَةَ وَزِيَارَةَ قَبْرِ نَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. رَبَّنَا آتِنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً وَهَيِّءْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا، وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

HADITH PENGHAPUS DOSA:

Dalam riwayat Al-Bukhari, Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud : "Satu ibadah umrah sehingga sampai umrah lainnya adalah sebagai pelebur (dosa) di antara keduanya. Sedang haji yang mabrur tidak mempunyai balasan kecuali syurga"



Cik Zalina Binti Tarmize
(Board Of Management)
☎ 018-958 1383



Konvensyen Ijtimak Mutawwif Andalusia Travel & Tours Kali ke 11 (1446H | 2024M/2025M)
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 28, 29 & 30 Jun 2024

PERKHIDMATAN MUTAWWIF

1. Andalusia menyediakan perkhidmatan mutawwif bagi setiap kumpulan umrah di Makkah dan Madinah.
2. Perkhidmatan kursus umrah selama 4 jam oleh mutawwif di lokasi pilihan jemaah (bagi kumpulan 2-20 orang) di Malaysia. Bayaran dikenakan ialah sebanyak RM350 (tidak termasuk kos perjalanan mutawwif ke lokasi pilihan jemaah)



MUTAWWIF BERILMU, PROFESIONAL DAN BERSAHSIAH TERPUJI

Kami pelayan tetamu Allah sentiasa bersedia berkhidmat, menyantuni, menabur bakti dan berkorban demi para tetamu Allah SWT dan Rasulullah S.A.W



SCAN QR UNTUK
KENALI MUTAWWIF
ANDALUSIA



Cik Nurul Akmar
Binti Mohd Suhaimi
(Penolong Pengurus Mutawwif)
☎ 0149513815
✉ akmarandalusia@gmail.com

Cik Nurul Irdina
Binti Mohd Fhaisal
(Junior Eksekutif Mutawwif)
☎ 0188739975
✉ dinaandalusia19@gmail.com



Cik Zalina Binti Tarmize
(Board Of Management)
☎ 018-958 1383

PIAGAM MUTAWWIF

01

PENAMPILAN

Sentiasa berpakaian kemas, sopan, bersih, dan memakai vest rasmi

02

TUTURAN DAN SIKAP

Menjaga tutur bicara, tidak sarkastik atau biadap, dan memberi nasihat dengan hormat kepada semua jemaah

03

BATAS PERGAULAN

Menjaga batas pergaulan dan menghindari gangguan seksual serta hubungan terlarang terutamanya dengan jemaah

04

LARANGAN TINDAKAN TIDAK WAJAR

Tidak merokok, mengambil minuman memabukkan, dadah atau barang terlarang semasa bertugas. Tidak dibenarkan membawa isteri semasa bertugas sebagai mutawwif kecuali sebagai jemaah berbayar.

05

KEJUJURAN DAN INTEGRITI

Menghindari perniagaan peribadi, pengumpulan dana, atau derma untuk kepentingan sendiri atau organisasi yang tidak berkaitan dengan Andalusia. Tidak menjual barangan luar sepanjang dalam tugas kerja

06

BIMBINGAN

Memberi bimbingan umrah tiga kali dan memastikan bimbingan ziarah wajib dalam aturcara

07

ILMU

Menguasai sirah nabawiyah, hukum hakam umrah, manasik umrah, dan pengetahuan tempat ziarah

08

ZIARAH WAJIB

Mengutamakan program ziarah wajib terutamanya ziarah Raudah (Tertakluk kepada permit)

09

ETIKA

Mematuhi aku janji dan kod etika mutawwif Andalusia Travel & Tours seperti yang terkandung di dalam QR code di bawah

10

PROGRAM TETAP

Mengutamakan program ziarah tetap berbanding ziarah tambahan

11

LAYANAN MESRA

Menyantuni jemaah di dewan makan dan menguruskan mereka dengan baik

12

KETETAPAN WAKTU

Menepati waktu untuk semua program ziarah dan ceramah

13

PENGURUSAN KEWANGAN

Tidak mengutip wang tambahan yang tidak sepatutnya melainkan ziarah tambahan (mengikut memo yang telah ditetapkan)

14

TANGGUNGJAWAB KESIHATAN

Mengurus dan memastikan jemaah sakit menerima rawatan

15

MEDIA SOSIAL

Tidak mengambil kesempatan untuk mempromosi media sosial peribadi



AKUJANJI & KOD ETIKA MUTAWWIF

TOP 10 PEGAWAI PEMASARAN



Hj. Mohd Hashim B. Omar
019-3387 825
Kajang, Selangor




Pn. Zainab Bt Haris
016-3119 158
Shah Alam, Selangor



Hjh. Ainur Nadia Bt Zakaria
017-6114 932
Putrajaya, Selangor



Pn. Syafiza Hanim Bt Said
017-635 2334
Kuala Lumpur



Pn. Nur Hazwani Bt Ismail
011-5859 8132
Jasin, Melaka



Hjh. Annie Bt Yusuf
010-947 1212
Lahad Datu, Sabah



En. Muhammad Arif B. Nazli
013-672 5472
Port Dickson, N. Sembilan



**Cik Nuruzziadah
Bt Ahmad @ Mohamad**
011-6356 3287 | Parit Buntar



**En. Muhammad Tarmizi
B. Mohd Bakhri**
017-492 1162 | Kulim Kedah



Pn Ajjah Hj Husain
+6 73 8886 264
Brunei Darussalam

KE ARAH

10000

PEGAWAI PEMASARAN ANDALUSIA




SCAN QR UNTUK MENDAFTAR
SEBAGAI PEGAWAI PEMASARAN
ANDALUSIA

Majlis Konvensyen Pegawai Pemasaran Siri 1.0 Di
Grand Barakah Hotel Selangor pada 30 November 2024

SENARAI PEGAWAI PEMASARAN SELURUH MALAYSIA

 PERLIS	 SELANGOR	 MELAKA	 PAHANG
 KEDAH	 WP KUALA LUMPUR	 JOHOR	 SABAH
 PULAU PINANG	 WP PUTRAJAYA	 KELANTAN	 SARAWAK
 PERAK	 NEGERI SEMBILAN	 TERENGGANU	 WP LABUAN



Andalusia Incentive Trip
(Pegawai Pemasaran)
di Batam & Bintan Indonesia pada 26 April-28 April 2024



✉ Puan Nursyakila
Suzana Binti Zulkifli
Pengurus PPA
016-207 7594



✉ Cik Nur Fatanah binti
Mohd Allif Effendy
Junior Eksekutif PPA
018-273 6756



✉ Cik Nurul Ilyana
binti Azman
Junior Eksekutif PPA
016-940 4340



✉ Cik Anis Nadhirah
Binti Mohd Ali
Junior Eksekutif PPA
013-323 3227

Akta Industri Pelancongan 1992

Jadual Keempat (Subperenggan 6(1)(m)(ii))

Akta Industri Pelancongan Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan
(Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dan Perniagaan Agensi Pengembangan) 1992

Terma Dan Syarat Seragam Bagi Pakej Pelancongan Ke Luar Negeri

1. Deposit Pelancongan

Deposit maksimum sebanyak 25% daripada tambang pelancongan setiap orang mesti dibayar sebagai fi penempatan. Bakinya atau bayaran penuh mesti dibuat dalam masa 14 hari sebelum tarikh berlepas bagi pakej pelancongan Pengembara Perseorangan (FIT) dan 21 hari bagi pakej pelancongan berkumpulan. Kegagalan untuk mematuhi kehendak ini boleh mengakibatkan pembatalan penempatan dan perlucutan deposit.

2. Caj Pindaan

2.1 Bagi Pakej Pelancongan Pengembara Perseorangan (FIT)

- 2.1.1 Apabila pengesahan pelancongan sudah dibuat, apa-apa perubahan yang dibuat kemudiannya kepada penempatan itu akan dikenakan caj pindaan sebanyak RM50.00 seorang bagi setiap perubahan.
- 2.1.2 Tiada perubahan boleh dibuat dalam masa 8 hari bekerja sebelum tarikh berlepas.
- 2.1.3 Perubahan seluruh tempahan merupakan pembatalan tempahan asal dan tertakluk kepada caj pembatalan seperti yang ditakrifkan dalam dasar pembatalan (lihat fasal 3.1 - untuk pakej pelancongan FIT).

2.2 Bagi Pakej Pelancongan Berkumpulan.

- 2.2.1 Apabila pengesahan pelancongan sudah dibuat, tiada perubahan kepada tempahan boleh dibuat dalam masa 14 hari sebelum tarikh berlepas.
- 2.2.2 Walaubagaimanapun, apa-apa permintaan daripada mana-mana anggota untuk membuat apa-apa perubahan supaya dapat pulang lebih awal atau kemudian daripada kumpulannya, tertakluk kepada syarat masing-masing syarikat penerbangan.
- 2.2.3 Perubahan seluruh tempahan merupakan pembatalan tempahan asal.

3. Caj Pembatalan Bagi Pembatalan Yang Dibuat oleh Anggota Pelancongan

3.1 Bagi Pakej Pelancongan Pengembara Perseorangan (FIT)

- 3.1.1 Pembatalan tempahan mesti dibuat secara bertulis untuk mengelakkan salah faham. Jika syarikat menerima notis untuk membatalkan tempahan itu 30 hari atau lebih sebelum tarikh berlepas, fi pentadbiran minimum sebanyak RM50.00 atau 10% daripada deposit pelancongan (mengikut yang mana-mana yang lebih rendah) seorang akan dikenakan.
- 3.1.2 Jika notis pembatalan itu diterima 29 hari atau kurang sebelum tarikh berlepas, caj yang berikut akan terpakai :

Pembatalan diterima	Caj Pembatalan Bagi Setiap Orang
15-29 hari bekerja sebelum tarikh berlepas	50% daripada deposit pelancongan
8-14 hari bekerja sebelum tarikh berlepas	20% daripada tambang pelancongan
3-7 hari bekerja sebelum tarikh berlepas	40% daripada tambang pelancongan
2 hari bekerja atau kurang sebelum tarikh berlepas	100% daripada tambang pelancongan

- 3.1.3 Dasar pembatalan masing-masing syarikat penerbangan mengenai promosi tambang istimewa hendaklah terpakai sebagai tambahan kepada caj pembatalan seperti yang dinyatakan dalam fasal 3.3.2 (Catatan : Tiket penerbangan adalah terhad dan tertakluk kepada Terma dan Syarat Syarikat Penerbangan. Ia mungkin tidak boleh diendorskan, tidak boleh dikeluarkan semula, tidak boleh diberi bayaran balik dan tidak boleh dipindahkan laluan. Apa-apa pindaan kepada laluan atau perubahan tarikh perjalanan oleh mana-mana penumpang adalah semata-mata atas risiko beliau sendiri. Syarikat atau ejen bersekutunya tidak bertanggungjawab atas apa-apa kerumitan yang timbul dan perbelanjaan yang dilaku kan. Walaubagaimanapun, apa-apa bayaran balik yang dibuat oleh mana-mana syarikat penerbangan untuk pembatalan yang dibuat 2 hari bekerja atau kurang sebelum hari perjalanan bagi tambang bukan promosi hendaklah dibayar kepada anggota pelancongan selepas ditolak apa-apa caj pentadbiran yang ditanggung oleh syarikat pelancongan).

3.2 Bagi Pakej Pelancongan Berkumpulan

- 3.2.1 Pembatalan tempahan perlu mesti secara bertulis untuk mengelakkan salah faham. Jika syarikat menerima notis untuk membatalkan tempahan itu 45 hari atau lebih sebelum tarikh berlepas, fi pentadbiran minimum sebanyak RM30.00 atau 2% daripada tambang pelancongan (mengikut yang mana-mana yang lebih tinggi) seorang akan dikenakan
- 3.2.2 Jika notis pembatalan diterima 44 hari atau kurang sebelum tarikh berlepas, caj yang berikut akan terpakai :

Pembatalan diterima	Caj Pembatalan Bagi Setiap Orang
22-44 hari bekerja sebelum tarikh berlepas	Perlucutan deposit pelancongan
15-21 hari bekerja sebelum tarikh berlepas	35% daripada deposit pelancongan
8-14 hari bekerja sebelum tarikh berlepas	50% daripada tambang pelancongan
3-7 hari bekerja sebelum tarikh berlepas	75% daripada tambang pelancongan
2 hari bekerja atau kurang sebelum tarikh berlepas	100% daripada tambang pelancongan

- 3.2.3 Dasar pembatalan masing-masing syarikat penerbangan bagi promosi tambang istimewa hendaklah terpakai sebagai tambahan kepada caj pembatalan seperti yang dinyatakan dalam fasal 3.2.2 (Catatan : Tiket kapal terbang adalah terhad dan tertakluk kepada Terma dan Syarat Syarikat Penerbangan. Ia mungkin tidak boleh diendorskan, tidak boleh dikeluarkan semula, tidak boleh diberi bayaran balik dan tidak boleh dipindahkan laluan. Sebarang pemindaan kepada laluan atau pertukaran tarikh perjalanan adalah atas risiko beliau sendiri. Syarikat atau ejen bersekutunya tidak bertanggungjawab atas apa-apa kerumitan yang timbul dan perbelanjaan tambahan yang tertanggung).

4. Pembatalan Oleh Syarikat

4.1 Pakej Pelancongan FIT

- 4.1.1 Syarikat berhak untuk membatalkan pelancongan jika berlaku bencana alam, perang, mogok, rusuhan, atau atas arahan Kerajaan Malaysia yang diluar kawalan syarikat.
- 4.1.2 Syarikat hendaklah mengesyorkan pelancongan alternatif, sebaiknya ke destinasi yang sama atau pelancongan lain. Sekiranya penumpang memutuskan untuk tidak menerima pelancongan alternatif, semua wang yang telah dibayar akan dibayar balik kepada penumpang selepas ditolak fi pentadbiran yang kena dibayar.

4.2 Pakej Pelancongan Berkumpulan

- 4.2.1 Syarikat berhak membatalkan pelancongan jika berlaku bencana alam, perang, mogok, rusuhan atau arahan Kerajaan Malaysia yang diluar kawalan syarikat.
- 4.2.2 Syarikat hendaklah mengesyorkan pelancongan alternatif, sebaiknya ke destinasi yang sama atau pelancongan lain. Sekiranya penumpang memutuskan untuk tidak menerima pelancongan alternatif itu, semua wang yang telah dibayar akan dipulangkan kepada penumpang selepas ditolak fi pentadbiran yang kena dibayar.

4.2.3 Jika keadaan memerlukan syarikat membatalkan lawatan disebabkan oleh kekurangan penumpang atau ketidakmampuan untuk memperoleh kemudahan pengangkutan atau penginapan, syarikat akan memulangkan semua wang yang telah dibayar dan juga membayar pampasan seperti berikut:

Pembatalan diterima

8-14 hari bekerja sebelum tarikh berlepas
1-7 hari bekerja sebelum tarikh berlepas
Pada hari berlepas

Caj Pembatalan Bagi Setiap Orang

Bayaran balik penuh tambang pelancongan dan pampasan sebanyak RM50.00
Bayaran balik penuh tambang pelancongan dan pampasan sebanyak RM75.00
Bayaran balik penuh tambang pelancongan dan pampasan sebanyak RM100.00 seorang

5. Dokumen Perjalanan

5.1 Tanggungjawab Anggota Pelancongan. Anggota pelancongan mestilah mempunyai :

- Passport antarabangsa atau dokumen perjalanan diiktiraf yang lain yang sepatutnya sah bagi tempoh sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh kepulangan semula ke negara asal;
- Visa yang perlu dan perakuan vaksinasi dan kesihatan yang dikehendaki oleh pelbagai pihak berkuasa negara yang hendak dilawati.

5.2 Tanggungjawab syarikat. Syarikat mengaku janji untuk :

- Menasihati anggota pelancongan mengenai dokumen yang diperlukan;
- Mana-mana mungkin, syarikat akan membantu penumpang untuk memperoleh visa yang sesuai. Walau bagaimanapun, syarikat tidak dapat menjamin kelulusan mana-mana permohonan visa.

5.3 Fi dan Caj Yang Relevan : Caj perkhidmatan dan fi visa hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh anggota pelancongan.

5.4 Penolakan Visa atau Dokumen Perjalanan. Jika atas apa-apa sebab, permohonan visa atau permit keluar yang perlu ditolak, tambang pelancongan selepas ditolak fi pentadbiran akan dibayar balik.

5.5 Penolakan Kemasukan. Syarikat tidak boleh dipertanggungjawabkan atau menanggung liabiliti bagi apa-apa perbelanjaan, bayaran ganti atau bayaran balik tambang pelancongan jika mana-mana anggota pelancongan tidak dibenarkan masuk atau dideportasikan oleh pihak berkuasa imigresen kerana memiliki barang yang menyalahi undang-undang atau memegang dokumen perjalanan yang tidak wajar atau sebab-sebab lain atau yang kelakuan dan aktiviti dianggap oleh kerajaan asing itu boleh menandatangani keburukan.

6. Maklumat lawatan dan harga

(1) Harga yang ditunjukkan ialah harga semasa pada masa penerbitan. Maklumat lawatan dan senarai harga merupakan sebahagian daripada brosur harga tertakluk kepada pertukaran yang disebabkan oleh kenaikan tambang kapal terbang, kos pengangkutan lain, kadar hotel, kadar pertukaran mata wang asing, cukai kerajaan dan sebagainya. Oleh itu, syarikat berhak menaikkan harga dengan syarat ia memberitahu pelanggan dengan sewajarnya sebelum pengesahan pelancongan dibuat.

(2) Syarikat berwaad bahawa perkara-perkara yang berikut dimasukkan ke dalam tambang pelancongan :

- Tiket kapal terbang pergi balik, tidak termasuk semua cukai lapangan terbang dan apa-apa cukai yang terpakai.
- Penginapan hotel berdasarkan :

Bagi kumpulan yang terdiri daripada 3 orang, tempat penginapan adalah berdasarkan tiga orang berkongsi satu bilik di mana-mana berkenaan. Tambang pelancongan kanak-kanak sebagaimana yang diiklankan adalah berdasarkan kanak-kanak yang berumur 2 tahun tetapi tidak melebihi 12 tahun, yang berkongsi bilik kembar dengan dua orang dewasa

- Semua makanan, lawatan bersiar-siar dan perkara lain sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual perjalanan.
- Semua lawatan bersiar-siar dan pemindahan adalah berdasarkan tempat duduk dalam bas.

(3) Perkara-perkara yang tidak termasuk dalam tambang pelancongan ialah :

- Dobi
- Makanan dan minuman yang tidak terdapat dalam menu lazim
- Rombongan pilihan
- Upah mengangkat barang di lapangan terbang dan hotel
- Semua lawatan bersiar-siar dan pemindahan adalah berdasarkan tempat duduk dalam bas.
- Semua perkara sendirian.

7. Bayaran Balik Untuk Perkhidmatan Yang Tidak Digunakan

Tiada bayaran balik atau pengurangan harga akan dibuat kepada mana-mana anggota berkenaan dengan tambang kapal terbang, penginapan, makanan, lawatan bersiar-siar, pengangkutan atau mana-mana perkhidmatan lain yang termasuk dalam tambang tetapi tidak digunakan oleh anggota pelancongan atas sebab peribadi.

8. Bagasi

Syarikat penerbangan ada memperuntukkan elau bagasi percuma dan kuantum dan syaratnya mungkin berbeza antara satu syarikat kapal terbang dengan yang lain atau antara satu pihak berkuasa lapangan terbang dengan yang lain. Peraturan ini turut terpakai bagi bagasi yang dibawa sendiri di atas kapal terbang. Ejen pelancongan akan menasihati penumpang tentang syarat-syarat itu. Penumpang dikehendaki membeli perlindungan insurans yang mencukupi.

9. Kemungkinan pertukaran

Jadual syarikat penerbangan atau keadaan tempatan mungkin memerlukan lawatan bersiar-siar, hotel dan laluan diubah. Jika ini berlaku, syarikat hendaklah membuat perkiraan alternatif bergantung keadaan tempatan.

10. Hak untuk Menolak Penempahan

Syarikat berhak untuk membatalkan atau menarik balik apa-apa jadual perjalanan, atau tempahan yang telah dibuat untuk pelanggan atau enggan menerima atau mengekalkan seseorang menjadi anggota pelancongan sekiranya dia didapati membahayakan kesihatan atau keselamatan, atau mengurangkan keselesaan atau keseronokan anggota yang lain dalam pelancongan itu. Syarikat juga berhak membatalkan tempahan jika atas apa-apa sebab, mana-mana pembawa, hotel atau kontraktor lain enggan untuk membenarkan mana-mana peserta menyertai pelancongan itu. Dalam mana-mana keadaan sedemikian tanggungjawab adalah semata-mata untuk memulangkan semula kepada anggota pelancongan itu wang yang telah dibayar setelah ditolak amaun perkhidmatan yang telah digunakan dan fi perkhidmatan dan fi pembatalan.

11. Tanggungjawab Syarikat

Syarikat dan ejen bersekutunya hendaklah bertanggungjawab bagi perkhidmatan yang disediakan seperti pengangkutan, penginapan, hiburan dan makanan, sebagaimana yang ditunjukkan dalam brosur mereka. Syarikat hendaklah membayar pampasan yang sesuai yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya Pelancongan sekiranya, selepas penyiasatan dibuat, persuruhjaya mendapati perkhidmatan yang disediakan tidak seperti yang terdapat didalam brosur dan perjanjian.

12. Insurans Perjalanan

Semua anggota pelancongan digalakkan membeli insurans perjalanan untuk melindungi diri mereka daripada sakit, kehilangan wang, pembatalan, kelewatan penerbangan atau kehilangan bagasi.

Syarat & Terma Tambahan



ATURCARA PAKEJ

1. Tiada Jaminan Kesesuaian Aturcara

Walaupun ATTSB berusaha untuk memberikan perkhidmatan terbaik, ATTSB tidak memberi jaminan bahawa semua aturcara yang disediakan adalah tidak berisiko dan sesuai untuk semua peringkat umur atau individu yang mempunyai rekod kesihatan yang kurang baik. ATTSB tidak boleh dipertanggungjawabkan atau menanggung liabiliti sekiranya timbul sebarang masalah, kesakitan, kecelakaan atau kematian akibat dari mana-mana bahagian aturcara pakej yang anda ikuti samaada aturcara tersebut dinyatakan di dalam surat pengesahan, iklan atau brosur ATTSB atau aturcara pilihan anda sendiri. Anda adalah dinasihatkan untuk sentiasa menjaga kesihatan diri dan mengamalkan sikap berhati-hati sepanjang mengikuti pakej ATTSB.

2. Kemungkinan Pertukaran Aturcara

Tertakluk kepada peraturan 9 Jadual Keempat Akta Industri Pelancongan 1992, sekiranya berlaku pertukaran aturcara dan ATTSB terpaksa mengadakan aturcara alternatif sebagai ganti, ATTSB tidak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa aturcara alternatif tersebut menyamai kos atau mempunyai nilai yang serupa dengan aturcara asal yang diganti.



PENGINAPAN HOTEL

1. Klasifikasi Penginapan

Taraf bintang hotel yang dinyatakan di dalam mana-mana iklan, brosur atau surat menyurat dari ATTSB adalah pentarafan yang diberikan oleh pihak hotel tersebut kepada ATTSB sebagai rujukan sahaja. Pentarafan hotel dan jumlah bintang mungkin berbeza dari satu negara ke negara yang lain. ATTSB tidak boleh memberi sebarang jaminan tentang kesesuaian hotel tersebut mengikut pentarafan hotel seperti yang diiklankan. Anda tidak boleh membatalkan pakej anda di atas alasan kekhilafan pentarafan hotel.

2. Perubahan Hotel

ATTSB berhak untuk mengubah hotel penginapan dari hotel yang dinyatakan di dalam brosur atau surat pengesahan pakej di atas sebab-sebab tiada kekosongan atau masalah kerosakan bilik dengan syarat notis awal dimaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya 24 jam dari tarikh masuk ke hotel tersebut. Sekiranya berlaku, ATTSB tidak memberi jaminan tetapi akan berusaha sebaik mungkin untuk mendapatkan hotel penginapan ganti yang setaraf atau lebih baik. ATTSB tidak boleh dipertanggungjawabkan atau menanggung liabiliti bagi sebarang masalah yang timbul akibat dari penggantian hotel penginapan tersebut.

3. Polisi Hotel

Polisi mengenai waktu kemasukan (check-in) dan keluar (check-out) hotel penginapan adalah berbeza mengikut polisi hotel berkenaan. ATTSB tidak boleh dipertanggungjawabkan atau menanggung liabiliti kesusahan yang anda alami akibat dari kuatkuasa polisi check-in dan check-out hotel berkenaan.

4. Jenis dan klasifikasi bilik

Jenis dan klasifikasi bilik termasuk ameniti (kemudahan) yang disediakan di dalam bilik tersebut adalah berbeza mengikut hotel dan negara destinasi. ATTSB tidak memberi jaminan bahawa bilik penginapan anda akan sama seperti yang digambarkan di dalam iklan atau brosur kami. ATTSB tidak boleh dipertanggungjawabkan atau menanggung liabiliti kesusahan yang anda alami akibat dari perbezaan jenis dan klasifikasi bilik yang anda terima atau disebabkan oleh kekurangan ameniti yang ada di dalam bilik tersebut.



PERLINDUNGAN INSURANS PERJALANAN TAMBAHAN

ATTSB hanya menyediakan perlindungan takaful berkelompok yang terhad seperti yang dinyatakan di dalam brosur. Sepertimana peruntukan peraturan 12 Jadual Keempat Akta Industri Pelancongan 1992, anda adalah sangat disarankan untuk mengambil insurans perjalanan tambahan untuk melindungi perjalanan anda. Anda bebas memilih syarikat insurans yang bersesuaian dengan keperluan anda dan jenis perlindungan yang terbaik untuk diri anda.

